PROJEK	**CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.**
MESYUARAT	Mesyuarat Tapak No. 3
TARIKH	3 Mac 2020 (Selasa)
MASA	11.15 pagi
TEMPAT	Bilik Mesyuarat Pejabat Tapak BBP Beaufort, Sabah

KPKT

MESYUARAT

TAPAK NO.3

MAKLUMAT KONTRAK KERJA

KONTRAKTOR : REMT Utama Sdn Bhd

KONTRAK No : KPKT/CPPP/JBPM/14/15/2019

HARGA KONTRAK : RM 6,305,978.26

TEMPOH KONTRAK : 18 Bulan / 546 Hari

TARIKH MULA KERJA : 12hb November 2019

TARIKH SIAP KERJA : 10hb Mei 2021

Pemilik Bangunan / Pengguna:
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sabah
Jalan Lintas Likas,
Beg Berkunci 30,
88990 Kota Kinabalu, Sabah.

Agensi Pelaksana:
Pejabat Wilayah 6,
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kontraktor:
REMT UTAMA SDN BHD (*REMT*)
Ground Floor, Lot 20,
Grace Square,
Jalan Pantai Sembulan,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Arkitek:
NOOR IZWAN ARCHITECT (*NIA*)
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4,
Metro Town, Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding C&S:
AKTIF FA KONSULT SDN BHD (*AFK*)
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding M&E:
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD (*JPI*)
No. 22-2, 2nd Floor, Block D, Lorong Plaza Kingfisher 6, Plaza Kingfisher,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Ukur Bahan:
PQS SETIA KONSULT (*PQS*)
Shop No. 1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

SENARAI KEHADIRAN

NAMA	JABATAN/SYARIKAT	NO. TEL
1. En. Mohd Arzaleigh Abd Rahman (Pengerusi)	CPP/W6/KPKT	088 – 210153
2. En. Jeremy Jeffery	CPP/W6/KPKT	088-210153
3. En. Mohd Riza Bin Ali	CPP/W6/KPKT (E)	088-210153
4. En. Muhamad Safarin Yahaya	CPP/W6/KPKT (M)	088-210153
5. En. Effendy Bin Mohd Yamin	CPP/W6/KPKT	088-210153
6. Tn. Mohamad Hasbullah Bin Nenggok	JBPM Beaufort	
7. Ar. Noor Izwan Bin Rahim	Noor Izwan Architect (NIA)	012-3218905
8. En. Wasaly Angkol	Noor Izwan Architect (NIA)	016-8366960
9. En. Terrance Tang	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK)	016-9961090
10. En. Oh Kok Thu	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK) - ARE	012-8663113
11. Ir. Sherman Bin Daim	Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd (JPI)	019-8602398
12. En. Sharman Sharif	PQS Setia Konsult (PQS)	010-9513639
13. En. Mark Abraham Markos	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	017-2656779
14. Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	016-8353423
15. En. Ronny Bin Lesa	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-36467021
16. En. Shairy Masli	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	011-25773762

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH</th><th>CATITAN</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENGERUSI</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Tuan Pengerusi En Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman mengalu-alukan kehadiran semua pihak.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>En. Muhamad Safarin Yahaya dari KPKT mencadangkan Minit Mesyuarat Tapak No.2 bertarikh 4 Februari 2020 disahkan dan cadangan tersebut telah disokong oleh En. Terrance Tang dari Aktif FA Konsult tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>LAPORAN KEMAJUAN KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.3 yang diedarkan dalam mesyuarat, REMT membentangkan kemajuan kerja di tapak bina sehingga 2 Mac 2020 seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kerja Fizikal (Jadual)</th><th>Kerja Fizikal (Sebenar)</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>11.00%</td><td>11.00</td><td>0.00%
(0 Hari)</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.2</td><td>REMT memaklumkan kerja-kerja cut and fill to formation level (90%) masih dijalankan dan kerja yang akan dilaksanakan pada bulan Mac adalah:
i) Kerja-kerja Piling
ii) Kerja-kerja Ground Beam</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>REMT masih perlu menyemak semula dan menambahbaik program Kerja Fizikal yang dibentangkan untuk memperbetulkan graf S-Curve.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.4</td><td>Tuan Pengerusi memaklumkan Pejabat Tapak yang telah disiapkan mengikut piawaian Unit Senibina KPKT ini diterima namun perlu ditambah baik pada kekukuhan struktur lantai.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.5</td><td>REMT melaporkan Kemajuan Kewangan Projek adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Status Kewangan Dijadualkan</th><th>Status Kewangan Sebenar</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>5.99%
RM378,100.60</td><td>6.00%
RM382,750.60</td><td>0.01%
RM4,650.00</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.6</td><td>Tuan Pengerusi meminta agar REMT membetulkan maklumat dan meminda S-Curve kewangan secara bulanan dan dibentangkan dalam setiap mesyuarat.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.7</td><td>Berdasarkan laporan kemajuan bulanan yang diedarkan, Tuan Pengerusi meminta agar beberapa pindaan seperti berikut yang masih belum dibuat perlu diambil tindakan segera:
i) Jadual Pekerja dan Jentera perlu ditambah maklumat jumlah tertinggi, terendah dan purata.
ii) Jadual Laporan Cuaca perlu ditambah dengan penanda hujan lebat dan sebagainya.
iii) Tulisan (font) perlu lebih besar agar mudah dilihat dan dibaca.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.8</td><td>Tuan Pengerusi meminta agar REMT memastikan bekalan sementara elektrik mendapat kelulusan segera daripada SESB dan bekalan air yang sempurna diterima di Tapak bagi mengatasi masalah air.</td><td>REMT</td><td></td><td></td></tr>
</table>

3.1.9	REMT diingatkan untuk segera mengambil tindakan penanggalan kerb sediada di jalan masuk sementara dan memastikan *turning radius* serta kelebaran di pintu masuk mencukupi supaya tidak mengganggu kelancaran akses.	REMT		
3.2	**PROGRAM KERJA**			
3.2.1	REMT telah mengambil tindakan menambah item *built in furniture* dalam program kerja di bawah *task* kerja Arkitektur.	Makluman		
3.2.2	REMT perlu segera menambahbaik dan memperbetulkan Program Kerja yang telah melewati tempoh pengemukaan (3 Bulan dari tarikh L.A) untuk dimuktamadkan dan diserahkan kepada KPKT W6.	REMT	20/12/2019	
3.2.3	Beberapa teguran daripada Tuan Pengerusi ke atas Program Kerja yang masih perlu diperbetulkan oleh REMT adalah seperti berikut: i) Tarikh sebenar mula kerja bagi setiap *task* perlu dinyatakan ii) Sebahagian item sepatutnya dikategori sebagai recurring iii) Setiap item melibatkan kos tidak boleh di tanda sebagai *mile stone*. iv) Setiap *task* perlu berhubung (*link*) dan tempoh perlaksanaan kerja setiap *task* hendaklah tidak melebihi 20 hari.	REMT	04/02/2020	
3.2.4	Tuan Pengerusi menegaskan tentang implikasi sekiranya berlaku kesilapan pada Program Kerja adalah tindakan penamatan kontrak (*termination*) dan Lanjutan Masa (EOT) tidak akan diberikan walaupun layak diterima.	Makluman/ REMT		
3.2.5	Tuan Pengerusi mengingatkan agar REMT mengambil tindakan ke atas setiap isu yang dibincangkan dalam mesyuarat bagi memastikan kelancaran perjalanan projek.	Makluman/ REMT		
3.2.6	Tuan Pengerusi memaklumkan agar bangunan pencawang elektrik SESB diprogramkan untuk siap 6 bulan sebelum tarikh siap kerja asal bagi memastikan kecukupan masa untuk pemeriksaan, pengujian dan kelulusan.	Makluman		
3.2.7	REMT telah menyenaraikan item *Provisional Sum* (Lanskap dan lain-lain) dan *Work Outside Boundary* dalam program kerja.	Makluman		
3.2.8	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal perlu dijadual untuk bermula lebih awal sebaik perlaksanaan kerja *ground beam*.	Makluman		
3.3	**AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI**			
3.3.1	REMT memaklumkan memandangkan calon terdahulu tidak memiliki *Yellow Book,* calon baru bagi Penyelia Keselamatan Tapak (*Site Safety Supervisor*) akan ditemuduga dan perlantikan dijangka pada 17 Mac 2020.	REMT	04/02/2020	
4.0	**STATUS KERJA PERUNDING**			
4.1	**ARKITEK**			
4.1.1	NIA memaklumkan bahawa pindaan DP dan BP berhubung isu akses telah dikemukakan kepada JKR Beaufort pada 18 Februari dan pihak JKR menyatakan tiada halangan (lulus) melalui surat kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) bertarikh 19 Februari.	Makluman		
4.1.2	Tuan Pengerusi meminta NIA untuk membuat semakan lanjut kepada pihak MDB dan memastikan kelulusan penuh bagi DP dan BP dapat dikeluarkan segera.	NIA		
4.1.3	REMT memaklumkan akan mengemukakan kelulusan bahan bagi *Roller Shutter* berdasarkan lukisan perincian NIA pada 17 Mac 2020.	REMT	04/02/2020	

4.1.4	NIA telah kemukakan senarai bahan berdasarkan skop Arkitektur pada 28 Februari untuk penyediaan awal pihak REMT mendapatkan kelulusan.	Makluman		
4.1.5	NIA melaporkan telah menemuduga dan mengemukakan cadangan dua calon COW Arkitek yang baru (*Architecture background*) pada 20 Februari. KPKT W6 akan mengadakan sesi temuduga pada Khamis, 5 Mac 2020.	W6		
4.1.6	NIA melaporkan bahawa terdapat percanggahan Lukisan Pembinaan Arkitek dan C&S melibatkan kerja-kerja penambakan di kawasan *Pond* sediada. Permohonan perubahan kerja akan dikemukakan kepada KPKT USB namun justifikasi daripada AFK diperlukan.	NIA / AFK		
4.2	**KEJURUTERAAN AWAM & STRUKTUR**			
4.2.1	AFK mengesahkan kerja *Piling* hanya terdapat pada pembinaan Menara Latihan dan Akses Utama sementara Blok Utama hanya menggunakan *Pad Footing.* AFK akan beri cadangan kepada pihak KPKT W6 atas keperluan pengukuhan struktur Blok Utama sekiranya perlu.	AFK	04/02/2020	
4.2.2	AFK mengesahkan telah menerima beberapa senarai bahan berdasarkan skop C&S daripada REMT dan kini dalam proses penilaian sebelum pengesyoran kelulusan dimajukan kepada pihak KPKT.	REMT/ AFK		
4.2.3	AFK melaporkan telah menyerahkan lukisan perincian bagi akses baru ke Kuarters sediada kepada REMT. REMT memaklumkan anggaran kos akan diserah pada 6 Mac untuk semakan PQS.	REMT	04/02/2020	
4.3	**KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**			
4.3.1	JPI melaporkan bahawa pemeriksaan bersama SESB Beaufort pada 5 Februari 2020 berhubung pagging di kedua-dua kases telah dijalankan dan tiada halangan terhadap ketinggian tiang dan kabel elektrik.	Makluman		
4.3.2	Tuan Pengerusi meminta JPI untuk memberi peringatan kepada SESB bahawa *contribution fee* yang dibuat akan dituntut semuala.	Makluman/ JPI		
4.3.3	REMT memaklumkan akan memastikan tiang elektrik sediada yang diganti dihantar ke stor MDB. Penyelesaian ke atas bekalan elektrik melalui bawah tanah perlu dibincang Bersama JPI.	Makluman		
4.3.4	JPI memaklumkan sesalinan Lukisan Pembinaan Mekanikal dan Elektrikal bersaiz A3 telah disediakan dan akan diserah terus ke pejabat pihak KPKT W6 Unit M&E.	Makluman/ JPI		
4.3.5	JPI mengesahkan bahawa no plat perlu mendapat kelulusan JPJ. Tuan pengerusi mengarahkan REMT untuk mendapatkan pembekal bagi pengesahan *trailer genset*.	REMT		
4.3.6	JPI memaklumkan permohonan bekalan elektrik (Borang PD9) telah dikemukakan kepada SESB Beaufort pada 14 November 2019 dan masih menunggu kelulusan.	JPI		
4.3.7	JPI memaklumkan perubahan keatas lokasi bangunan pencawang SESB perlu dibuat berdasarkan perubahan saiz bangunan kepada 7m x 5m (Kawasan 8m x 6m). Perbincangan lanjut dan pengesahan bersama SESB akan diadakan pada 4 Mac 2020.	JPI		
4.3.8	PQS mohon mendapatkan Lukisan Perincian SESB daripada JPI untuk mengira penambahan kos memandangkan kos asal diperuntukkan dalam kontrak berdasarkan ukuran bangunan 3m x 3m.	JPI		
4.3.9	Berhubung kelulusan bahan di bawah skop M&E, REMT memaklumkan dalam proses perlantikan Sub-Con (dijangka 17 Mac) sebelum mengemukakan permohonan.	REMT		

4.4	**UKUR BAHAN**			
4.4.1	PQS melaporkan bahawa perincian BQ daripada REMT telah diluluskan oleh KPKT pada 27 Februari.	Makluman		
4.4.2	Perunding PQS mengesahkan peratusan pada Kadar Harga di dalam Dokumen Tender telah diselesaikan Bersama REMT.	Makluman		
4.4.3	Bagi megelak kelewatan kelulusan kerja REMT diminta untuk segera menyediakan kos ke atas perubahan kerja (V.O) melibatkan kerja-kerja *new compartment* bagi menggantikan *concrete bench* serta akses baru ke Kuarters sediada untuk semakan lanjut PQS.	REMT/PQS	04/02/2020	
4.4.4	PQS melaporkan bahawa setiap perunding telah menyerahkan 15 set Lukisan Kontrak (lukisan sama yang disediakan semasa tender) bagi tujuan penjilidan Dokumen Kontrak kepada Unit Ukur Bahan KPKT dan hanya Lukisan Mekanikal belum dikemukakan.	JPI		
4.4.5	PQS mengesahkan bahawa berdasarkan JKR Spec 2014, keterangan bagi item *"Telephone for S.O"* adalah merujuk kepada telefon pejabat (*fixed line*) dan *"miscellaneous item for S.O"* adalah melibatkan P.E (*safety helmet & Boot*) dan kertas*.*	Makluman		
4.4.6	PQS memaklumkan bayaran kemajuan terkini adalah Bayaran Kemajuan No. 3 yang telah dikemukakan kepada KPKT pada 2 Mac 2020 dan kini diproses oleh JBPM.	Makluman		
4.4.7	Berhubung isu percanggahan lukisan melibatkan penambakan di kawasan *Pond* sediada, PQS mengesahkan perincian BQ dari pihak REMT menunjukkan kuantiti dan kos *turfing* sudah meliputi keseluruhan kawasan *open area* dan tiada penambahan kos ke atas perubahan kerja penambakan ini.	Makluman		
4.4.8	Tuan Pengerusi meminta PQS untuk menyemak bilangan hari berkerja yang terkandung di dalam Syarat Kontrak bagi tindakan REMT dalam menambahbaik Program Kerja.	PQS		
4.5	**LAPORAN KAWALAN KUALITI PERUNDING**			
4.5.1	AFK membuat pembentangan laporan kawalan kualiti melibatkan pengujian konkrit dan pengesahan bahan.	Makluman		
4.5.2	NIA melaporkan bahawa pemeriksaan ke atas kerja *Setting Out* telah dilaksanakan pada 18 Februari dan REMT telah memperbetulkan penandaan yang seterusnya disahkan semasa sesi pemeriksaan lanjut pada 27 Februari.	Makluman		
4.5.3	REMT perlu mengemukakan Lukisan *As Built Setting Out* yang disahkan oleh *Surveyor* dan surat pengesahan ke atas penyiapan kerja *Setting Out* untuk disahkan oleh NIA.	REMT		
4.5.4	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa laporan kawalan kualiti perunding perlu merangkumi aspek kelulusan bahan, status RFI, Lukisan Pembinaan, keputusan pengujian dan laporan perlu dikemukakan kepada KPKT W6 setiap bulan.	Makluman		
5.0	**HAL-HAL LAIN**			
5.1	JBPM meminta NIA untuk mengemukakan surat berhubung pelupusan *Hydrant* sediada kepada Bahagian Operasi Negeri JBPM Kota Kinabalu sebagai makluman untuk kemaskini sistem pencegahan.	NIA		
5.2	JBPM meminta REMT untuk memastikan lampu jalan dalam kawasan tapak dapat dipindahkan sebelum April 2020.	REMT		

5.3	JBPM memaklumkan berdasarkan aduan penghuni Kuarters, REMT diminta untuk melaporkan kepada JBPM mengenai jumlah kemasukan (kehadiran) pekerja tapak setiap hari bagi tujuan keselamatan dan memastikan kawasan diluar kompaun pembinaan (*hoarding*) adalah kawasan larangan.	Makluman/ REMT		
5.4	JBPM juga meminta REMT untuk melaporkan secra berkala ke atas kerja-kerja yang akan dijalankan di Tapak sebagai makluman pihak JBPM.	Makluman		
5.5	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa setiap Perunding perlu menyerahkan *Item Testing Procedure* (ITP) kepada REMT.	Makluman		
6.0	**PENUTUP**			
6.1	Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih dan memohon kerjasama daripada semua pihak supaya mengambil tindakan selanjutnya bagi perkara-perkara yang telah dibincangkan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.50 petang dan mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman		

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :**



.....

Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Prinsipal
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH: **TARIKH:**

.....

Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

.....

Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan